

# PM: Asia mampu tawar selesai pelbagai isu sejagat

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia menggariskan tiga teras utama bagi membolehkan Asia memainkan peranan dalam menawarkan penyelesaian terhadap pelbagai isu sejagat.

Bercakap dalam Persidangan Antarabangsa Ke-27 Mengenai Masa Depan Asia di Tokyo semalam, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tiga teras itu adalah memperkasa integrasi ekonomi serantau, mengukuhkan kerjasama dan mekanisme perundingan serta bermuafakat dalam menangani cabaran perubahan iklim.

Perdana Menteri berkata, tiga teras tersebut adalah antara perkara yang boleh diberi perhatian dalam menawarkan penyelesaian isu sejagat dan pada masa yang sama meningkatkan kerjasama pelbagai hala dalam kalangan negara Asia.

Katanya, sekarang bukannya masa untuk terus berbelah pendirian.

Dunia, kata Perdana Menteri, sedang berdepan dengan pelbagai ancaman termasuk perubahan iklim yang memerlukan komitmen dan kerjasama serantau dan juga antarabangsa



ISMAIL Sabri Yaakob berucap dalam Persidangan Antarabangsa ke-27 Mengenai Masa Depan Asia di Tokyo, semalam.

dalam usaha untuk menanganinya.

“Suka saya berkongsi, di Malaysia, kami mempunyai peribahasa yang mengatakan: “bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat” mencerminkan betapa pentingnya kita mewujudkan komitmen yang teguh terhadap kerjasama serantau dan antarabangsa.

“Sebenarnya, kemelut yang melanda kita membawa hikmah supaya kita sama-sama

belajar daripada pengalaman tersebut untuk mencari penyelesaian yang tuntas agar terus maju ke hadapan.

“Walaupun begitu, sebarang penyelesaian yang mahu dicari tidak seharusnya hanya menguntungkan satu pihak tetapi melibatkan semua,” katanya dalam penampilan sulung beliau dalam persidangan tahunan itu yang bertemakan ‘Mentakrif Semula Peranan Asia Dalam Dunia Yang Berbelah

Pendirian’, tahun ini.

Bagi memperkasa integrasi ekonomi serantau, Ismail Sabri berkata, perkara utama adalah dengan menumpukan usaha mengukuhkan kemampuan rantau Asia dalam menangani perubahan di peringkat globalisasi selepas pasca pandemik.

Ketika globalisasi kini dalam kemerosotan, beliau berpendapat, amat penting bagi para pembuat dasar dan juga pemimpin perniagaan di Asia meningkatkan lagi usaha mengukuhkan kerjasama serantau dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sehubungan itu, beliau berkata, usaha perlu dilakukan untuk menjadikan rantauan bekalan serantau lebih berdaya tahan menerusi sokongan pelaburan infrastruktur digital dan memudah cara usaha untuk membangunkan kapasiti ke arah meningkatkan rantaian bekalan tempatan.

Selain itu, katanya, para pembuat dasar di Asia seharusnya menggandakan usaha bagi meningkatkan kemampuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan dan pembangunan ekonomi rantau ini.